

28 OCT 2003

KDNK-PERTUMBUHAN/I

KDNK 2003 MALAYSIA DIJANGKA BERKEMBANG LEBIH 4.5 PERATUS

KUALA LUMPUR, 28 Okt (Bernama) -- Pertumbuhan ekonomi Malaysia tahun ini dijangka mengatasi unjuran rasmi 4.5 peratus, kata Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, hari ini.

"Ya, kita melihat beberapa petanda yang sangat menggalakkan," katanya apabila diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hujung minggu lalu bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka lebih baik daripada yang diunjurkan.

"Terdapat beberapa petanda yang menggalakkan untuk menunjukkan bahawa ia akan menjadi keadaan yang sebenar," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Pusat Antarabangsa bagi Kepimpinan dalam Kewangan di sini, oleh Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAD TJK ZK